

05/09/1997

MIOF mahu jalin kerjasama

YAYASAN Orkestra Belia Malaysia (MIOF) mahu menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak terutama sektor korporat dalam usaha menganjurkan lebih banyak konsert klasik di negara ini.

Pengerusinya, Mirzan Mahathir, berkata penganjuran konsert itu membantu untuk mengembangkan genre muzik klasik di Malaysia, terutama selepas kebangkitan semula karya agung Beethoven dan Mozart.

Menurutnya, langkah itu perlu dijalankan segera kerana ia boleh memupuk minat dan menyedarkan masyarakat tempatan khususnya generasi muda terhadap muzik klasik.

Beliau berkata, MIOF merasakan penganjuran konsert itu bertepatan dengan objektif utama mereka untuk membentuk kesedaran budaya dan artistik di kalangan remaja Malaysia menerusi genre muzik klasik serta seni persembahan.

"Kedua medium ini mampu menerapkan nilai murni dalam diri remaja dan cuba mengelakkan mereka melakukan perkara yang mendatangkan banyak kesan negatif," katanya pada sidang akhbar konsert The Musical World of Gillian Humphreys di ibu negara, kelmarin.

Konsert anjuran MIOF dengan kerjasama YTL Corporation itu bermula dengan persembahan The Young Audiences di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), esok dan Gala Concert di Hotel JW Marriot, Jalan Bukit Bintang, Ahad ini.

Konsert The Musical World of Gillian Humphreys menampilkan beberapa pemuzik terkenal di peringkat antarabangsa termasuk Harvey Eagles (cello) dan Corina Belcea (biola).

Ia turut menampilkan pemain piano dan biola tempatan, Bobby Chen serta Tan Poh Joo. Setiap persembahan mereka diiringi kumpulan Orkestra Simfoni Kuala Lumpur (OSKL) yang menggabungkan 65 pemuzik.

Pengarah Urusan YTL Corporation, Tan Sri Francis Yeoh berkata, pihaknya berharap penganjuran konsert itu boleh dijadikan landasan untuk terus mengembangkan muzik klasik di peringkat tempatan.

"Berdasarkan pengamatan saya, genre muzik itu semakin diterima di sini dan dapat disaksikan sendiri kewujudan banyak kumpulan orkestra yang menggunakan sepenuhnya bakat tempatan.

"Perubahan itu semakin jelas kelihatan dengan tertubuhnya MIOF yang bertindak sebagai penaung kepada semua kumpulan orkestra bebas di negara ini," katanya.

Dia turut berpendapat bahawa setiap bandaraya perlu mempunyai kumpulan orkestra sendiri.

(END)